

NO. SOALAN: 370

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN
BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

RUJUKAN : 8811

SOALAN:

Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kes pembuangan bayi dan tindakan-tindakan yang diambil bagi menangani kes ini khususnya pasca sambutan Hari Kekasih.

JAWAPAN:

Kes pembuangan bayi mendapat perhatian di media massa dan sering dibincangkan dalam pelbagai forum dalam negara ini. Dalam siasatan yang dijalankan oleh pihak polis, kes pembuangan bayi sering dikaitkan dengan perlakuan sumbang seseorang dan sebagai jalan pintas untuk menutup malu dan perlakuan sumbangnya daripada diketahui oleh masyarakat setempat, mereka yang terlibat mengambil langkah untuk membuang bayi berkenaan. Siasatan yang dijalankan oleh pihak polis adalah mengikut seksyen 302, seksyen 309 (A), seksyen 312, seksyen 313, seksyen 314, seksyen 315, seksyen 316 dan seksyen 318 Kanun Keseksaan (KK). Kesalahan sedemikian disiasat di bawah seksyen yang berkenaan kerana ianya melibatkan kesalahan terhadap nyawa seseorang.

Sebelum kes pembuangan bayi dibuka, pegawai penyiasat akan membuat penelitian terlebih dahulu untuk mengenalpasti punca kematian bayi tersebut bagi menentukan kes diklasifikasikan dibawah mana-mana seksyen yang berkenaan. Sekiranya bayi yang dibuang masih hidup atau disebabkan oleh perbuatan membuang bayi telah mengakibatkan bayi itu meninggal dunia maka kes akan disiasat dibawah sek 302 KK atau 304 KK. Walaubagaimanapun, sekiranya bayi itu didapati meninggal dunia semasa dilahirkan dan kemudian dibuang, maka kes akan disiasat dibawah seksyen yang lain. Klasifikasi kes banyak bergantung kepada keputusan *post-mortem* untuk menentukan

sama ada bayi yang dibuang itu meninggal selepas dibuang atau meninggal sebelum dibuang.

Statistik kes pembuangan bayi bagi tahun 2013 sehingga 2015 seperti berikut:-

KONTINJEN	2013	2014	2015
PERLIS	5	1	1
KEDAH	3	4	14
PULAU PINANG	6	5	3
PERAK	7	6	6
SELANGOR	19	27	21
KUALA LUMPUR	4	12	12
NEGERI SEMBILAN	5	6	8
MELAKA	2	5	1
JOHOR	10	8	13
PAHANG	2	4	7
TERENGGANU	3	2	3
KELANTAN	1	5	5
SABAH	14	15	11
SARAWAK	9	3	6
JUMLAH	90	103	111

Antara tindakan yang diambil bagi menangani kes pembuangan bayi adalah seperti berikut:-

- i) Mengadakan kempen keselamatan diri dan kesedaran terhadap kesalahan undang-undang dalam kalangan remaja. PDRM sering mengadakan aktiviti seperti syarahan, forum, pameran dan aktiviti melibatkan remaja atau kanak-kanak yang bertemakan keselamatan dan pencegahan jenayah terhadap wanita dan kanak-kanak;**

- ii) Mengajukan Kempen Kesedaran Wanita (WAC) dan Kempen Kesedaran Kanak-Kanak (CAC). Kempen tersebut melibatkan seramai 30,524 pelajar sekolah menengah, pelajar IPTA/IPTS seramai 3,900 dan 20,340 kaum wanita;**

- iii) Selain itu, PDRM turut bekerjasama dengan pihak RHB Capital Berhad dalam Program Cegah Jenayah '*Reuniting Families*' bagi tujuan mewujudkan kesedaran masyarakat terhadap jenayah. Program ini merupakan usahasama antara RHB, MCPF dan PDRM;**

- iv) Penubuhan '*baby hatch*' oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Hospital KPJ adalah antara usaha yang dilaksanakan bagi tujuan mengelakkan berlakunya kejadian pembuangan bayi dan seterusnya kematian bayi yang tidak berdosa.**

NO. SOALAN: 371

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB RAJA DATO' KAMARUL
BAHRIN SHAH
(KUALA TERENGGANU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah pecahan peratusan mengikut kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain dalam Angkatan Tentera Malaysia hari ini.

JAWAPAN:

Pecahan peratusan keanggotaan dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mengikut kaum ialah Melayu sebanyak 98.3%, Cina sebanyak 0.4%, India sebanyak 1.1% dan Lain-Lain kaum sebanyak 0.2%.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN
SHAH [KUALA TERENGGANU]**

SOALAN :

**YB. Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan
perancangan Kementerian untuk mempromosikan pusat bebas cukai
Kenyir di Terengganu dan bilakah tarikh operasinya.**

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pembangunan Pusat Bebas Cukai Kenyir adalah bertujuan untuk mempelbagaikan produk pelancongan di Terengganu, khususnya di kawasan Tasik Kenyir. Pusat Bebas Cukai ini dijangka beroperasi pada tahun 2017.

Sehubungan itu, Tourism Malaysia akan mengadakan aktiviti-aktiviti promosi bagi menarik minat daripada pelancong-pelancong tempatan dan antarabangsa untuk melawat dan membeli-belah di Pusat Bebas Cukai ini. Antara aktiviti-aktiviti promosi yang telah dirancang adalah seperti berikut :

1. Menganjurkan program lawatan suaikenal kepada para wakil media dan para pengusaha pelancongan dari dalam dan luar negara;
2. Meningkatkan promosi Pusat bebas Cukai Kenyir melalui Shopping Secretariat Malaysia (SSM) yang menfokuskan kepada pelancong-pelancong dari pasaran ASEAN seperti Brunei, Indonesia, Singapura, Thailand dan pasaran jarak sederhana seperti Australia, China, India, Jepun dan Korea;
3. Mengadakan aktiviti pengiklanan dan promosi secara taktikal dengan menawarkan pakej-pakej membeli-belah istimewa dengan kerjasama para pengusaha pelancongan dan pengusaha hotel tempatan dengan syarikat-syarikat penerbangan dan agensi-agensy pelancongan asing; dan

4. Menyediakan platform bagi pihak pengurusan Pusat Bebas Cukai Kenyir menyertai misi-misi galakan promosi Tourism Malaysia di luar negara.

Sekian, terima kasih.